

13 November 2024

SIARAN MEDIA
Untuk Hebahan Segera



COP29: PEMIMPIN DUNIA PERLU SEDIAKAN PAKEJ BAHARU BERNILAI \$5 TRILION UNTUK KEADILAN IKLIM

Islamic Relief menyeru pemimpin dunia di Persidangan Perubahan Iklim (COP29) untuk menyediakan pakej bernilai \$5 trilion setahun bagi menyokong negara-negara berpendapatan rendah yang paling teruk terjejas akibat perubahan iklim.

Negara-negara maju perlu bersepakat mengambil langkah konkrit untuk menurunkan suhu global kembali di bawah paras 1.5°C berbanding tahap pra-perindustrian, kerana pada tahap tersebut, impak perubahan iklim menjadi sangat berbahaya dan sukar dipulihkan.

Unjuran terkini daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meramalkan suhu global boleh meningkat sehingga 3°C dalam beberapa dekad akan datang, yang mengancam jutaan nyawa di seluruh dunia. Satu-satunya cara untuk mencegahnya ialah dengan pengurangan besar-besaran pelepasan karbon, menghentikan penggunaan bahan bakar fosil, dan memperhebat pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui.

COP29 yang berlangsung di Baku, Azerbaijan dari 11 hingga 22 November, digelar “COP Kewangan” kerana pembiayaan untuk negara-negara berpendapatan rendah dan sederhana menjadi agenda utama. Meskipun negara-negara ini menyumbang paling sedikit kepada pelepasan karbon global, namun, mereka yang paling teruk terjejas oleh kesan iklim seperti kemarau, banjir, dan konflik akibat sumber yang semakin berkurang. Negara-negara kaya yang menyumbang kira-kira 75% pelepasan karbon global memikul tanggungjawab moral untuk membantu masyarakat yang kehidupannya musnah akibat perubahan iklim.

Jamie Williams, Penasihat Kanan Polisi di Islamic Relief, yang turut hadir di COP29 berkata, “Dana \$5 trilion setahun ini bukanlah soal kebajikan, tetapi soal keadilan. Negara dan syarikat kaya yang menyumbang kepada krisis iklim melalui pelepasan karbon perlu bertanggungjawab dan memberi pampasan kepada penduduk yang hidupnya telah terjejas. Mereka tidak mempunyai alasan untuk tidak menyediakan dana ini, sedangkan mereka membelanjakan trilion dolar setiap tahun untuk senjata dan subsidi bahan bakar fosil. Dana ini adalah untuk menampung kerugian dan kerosakan yang besar akibat perubahan iklim, membantu masyarakat menyesuaikan diri, serta melabur dalam tenaga boleh diperbaharui.

"Namun, kemahuan politik untuk melaksanakan inisiatif ini masih lemah. Di COP29, ribuan pelobi akan berusaha menghalang kemajuan bagi pihak kerajaan dan syarikat besar yang semakin kaya akibat perubahan iklim. Islamic Relief bekerja bersama komuniti paling rentan di dunia, yang jauh dari perbincangan di COP29, tetapi keputusan di persidangan ini akan menentukan masa depan mereka. Risiko COP29 menjadi sekadar tempat perbincangan tanpa tindakan nyata amat tinggi, namun kita tidak boleh membiarkan perkara ini berlaku. COP mesti kembali kepada asas untuk menyelamatkan planet ini."

"Petani di Bangladesh dan pengembala di Somalia tidak melakukan apa-apa yang menyebabkan perubahan iklim, tetapi mereka adalah yang paling teruk terkesan. Mereka memerlukan dana ini untuk bertahan hidup. Namun kita juga perlu menghentikan pemanasan global sebelum ia mencapai tahap kritikal, dan satu-satunya cara adalah untuk negara-negara kaya serius dalam mengurangkan pelepasan dan menghentikan penggunaan bahan bakar fosil," katanya.

Sementara itu, Shahin Ashraf, Ketua Advokasi Global di Islamic Relief Worldwide, menambah, "Tahun 2024 dijangka menjadi tahun paling panas dalam sejarah, dengan pemanasan global melebihi 1.5°C untuk pertama kalinya. Planet kita telah memberikan amaran yang jelas, tetapi malangnya, kerajaan masih tidak mengambil tindakan secukupnya.

"Desakan untuk bertindak dalam menangani perubahan iklim kini lebih mendesak berbanding sebelumnya, kerana ia adalah soal hidup atau mati bagi jutaan manusia. Di COP29, negara-negara maju mesti komited terhadap tindakan tegas bagi menurunkan pemanasan global di bawah ambang kritikal 1.5°C. Masa depan planet kita bergantung pada langkah ini. Untuk mengelakkan kehancuran, negara dan syarikat mesti segera meninggalkan bahan bakar fosil dan memperhebat pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui.

"Ini bukan sekadar seruan untuk bertindak, ia adalah peluang terakhir kita untuk melindungi kehidupan, bukan hanya untuk diri kita tetapi untuk setiap generasi yang akan datang," katanya.

Islamic Relief menggesa agar dana baharu ini disediakan dalam bentuk geran, bukan pinjaman yang akan membebankan lagi negara-negara miskin dengan hutang tambahan. Geran ini mestilah disalurkan dengan ketelusan dan kebertanggungjawaban.

Kerajaan tempatan juga perlu memastikan ketelusan dalam penggunaan dana tersebut dan memastikan golongan paling terpinggir, termasuk golongan muda, wanita, orang asli, dan pelarian, mempunyai peranan penting dalam pelan nasional bagi menangani perubahan iklim. COP28 yang berlangsung di Mesir tahun lepas telah mencapai kemajuan penting dalam mengiktiraf kepentingan adaptasi yang diterajui secara tempatan, dan ini perlu diperhebatkan di COP29.

Pada COP28 tahun lalu, pemimpin dunia turut mengumumkan Dana Kerugian dan Kerosakan, namun setahun kemudian, dana ini masih belum dilaksanakan. Di COP29, dana ini perlu diaktifkan dan dibiayai dengan segera.

Islamic Relief berperanan aktif dalam membantu komuniti yang terkesan oleh perubahan iklim di 23 negara, dengan peruntukan hampir \$150 juta setiap tahun untuk program adaptasi iklim. Antara projek utama adalah membantu petani di Afghanistan melindungi ladang daripada banjir, membina sistem pengairan bertenaga solar di Mali, mempertahankan hak tanah di Indonesia, dan menguji benih tahan kemarau di Kenya.

- TAMAT -

Mengenai Islamic Relief

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 145 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

Mengenai Islamic Relief Malaysia

Islamic Relief Malaysia telah beroperasi sejak 2004, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penajaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di www.islamic-relief.org.my

*Dikeluarkan oleh: Komunikasi Strategik, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia.
Untuk keterangan lanjut, hubungi Sis Zafirah di talian 019-220 1788 atau e-mel ke Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my*